

**Keterangan: Seminar Kebangsaan Pengurusan Pendidikan PKPGB 2008, 16 Oktober 2008, UTHM.**

**TAJUK:**

**PENDIDIKAN SEPANJANG HAYAT: ISU,CABARAN DAN PERANAN SEKOLAH MEMBANGUN MODAL INSAN DALAM KOMUNITI SETEMPAT**

**Ramlan Bin Zainal Abidin,**

**Dr. Ahmad B. Esa**

**&**

**Prof. Dr. Wan Mohd. Rashid B. Wan Ahmad**

Fakulti Pendidikan Teknikal  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
86400 Parit Raja Batu Pahat  
Johor  
Email: [ramlan@uthm.edu.my](mailto:ramlan@uthm.edu.my)  
Tel: 013 772 7795

**SEMINAR KEBANGSAAN PENGURUSAN PENDIDIKAN PKPGB 2008**

**Kepimpinan dan Pengurusan Sekolah Cemerlang**

**16 Oktober 2008**

**ABSTRAK**

Dalam kehidupan bermasyarakat pendidikan tidak formal telah berlaku sejak zaman berzaman lagi sebagai pusingan untuk meneruskan kehidupan dikenali sebagai pendidikan seumur hidup. Perubahan yang berlaku di era globalisasi di mana ekonomi berteraskan ilmu pengetahuan menjadikan pendidikan sepanjang hayat sebagai agenda kerajaan untuk mencorak modal insan mengikut acuan semasa. Walaupun kadar celik huruf tinggi dan masyarakat Malaysia pandai membaca, menulis dan mengira tetapi mereka kurang berminat dan bersemangat untuk membaca bagi meluaskan ilmu pengetahuan dan pemikiran mereka. Banyak institusi yang telah mempelopori kursus pembelajaran sepanjang hayat namun tidak ada perubahan yang ketara untuk mengubah persepsi negatif ini. Cabaran seterusnya ialah bagaimana untuk membudayakan ilmu di dalam komuniti setempat dan tahap pendidikan di negara kita dikatakan kian merosot. Kertas kerja konsep ini mencadangkan sekolah yang dilihat mempunyai potensi yang besar kearah itu memandangkan pengiktirafan sekolah sebagai pusat sosialisasi, kedudukannya yang hampir dihati masyarakat dan amalan kolaborasi boleh membawa kepada menang-menang kepada sekolah dan komuniti. Apa yang diperolehi daripada pemerhatian dan literatur ialah kekangan dan halangan yang utama adalah terletak kepada kepimpinan sekolah di mana mereka juga kurang mendapat tempat dalam kepimpinan komuniti setempat.

## **1.0 Pengenalan**

Dalam era ekonomi berasaskan ilmu pengetahuan, negara amat memerlukan modal insan yang berilmu pengetahuan. Justeru, daripada petikan ucapan Naib Canselor UPM dimajlis Penyampaian Anugerah Cemerlang antara lain menyebut:

*“Ilmu dan teknologi yang dimiliki pada hari ini akan ketinggalan dan lapuk pada masa hadapan. Oleh yang demikian kita perlu mengemaskini ilmu pengetahuan agar selari dengan konsep pembelajaran sepanjang hayat supaya menjadi manusia yang relevan kepada pembangunan dan kemajuan negara”*

(Mohd. Zohadie, 2002)

Malaysia masih baru untuk menjadikan pendidikan sepanjang hayat sebagai agenda pembangunan negara jika dibandingkan dengan negara maju seperti Amerika Syarikat, German dan Australia. Oleh yang demikian Perdana Menteri menekankan dalam konteks dunia global sekarang, modal insan yang benar-benar berkualiti sangat diperlukan jika negara ingin melangkah ke era ekonomi global yang berpaksikan pengetahuan (B.H, 1 Mei 2006).

Sehubungan itu, rakyat sebagai modal insan di negara ini perlu sentiasa menguasai ilmu. Pada hari ini, modal insan yang berkualiti adalah satu kemestian bukan lagi satu kelebihan. Bagi melahirkan modal insan yang berkualiti, kerajaan dan rakyat harus bersama-sama mempunyai tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dengan penuh komitmen. Konsep pembelajaran sepanjang hayat seperti yang didefinisikan oleh *OECD (Organisation for Economic Cooperation and Development)* ialah untuk menjadikan individu dalam sesebuah masyarakat yang telah didorongkan untuk terus belajar menerusi hayat mereka samada secara formal dan takformal (OECD 1996).

Pendidikan sepanjang hayat tidak terhad kepada golongan yang bekerja sahaja malah ia perlu melewati semua golongan termasuk suri rumah, pesara, golongan kurang upaya dan warga emas. Pendidikan sepanjang hayat bermatlamat untuk meningkatkan kualiti kehidupan individu dan masyarakat. Tujuannya ialah untuk memberi latihan dan pendidikan kepada semua orang dengan salah satu matlamat untuk membangunkan modal insan. Di alam persekolahan, pembangunan modal insan difokuskan untuk memberi tumpuan kepada sistem nilai, disiplin, sahsiah, akhlak dan jati diri pelajar bagi melahirkan tenaga kerja yang kompeten dalam bidang

sains dan teknologi, inovatif, kreatif serta boleh dipasarkan. Dikalangan orang-orang dewasa proses pembelajaran tidak terhenti selepas alam persekolahan malah mesti ada kesinambungan untuk terus belajar hingga kelang lahat.

## **2.0 Isu dan Cabaran**

Pembelajaran sepanjang hayat telah memperkenalkan bidang objektif yang luas dan didefinisikan seperti berikut, “semua aktiviti pembelajaran yang diikuti adalah bertujuan untuk menambah pengetahuan, kemahiran-kemahiran dan tahap kecekapan setiap orang, atau perspektif yang ada hubungan dengan pekerjaan”(European Commission, 2001). Cabaran yang sedang ditangani oleh kerajaan Malaysia ialah untuk membentras buta huruf dikalangan orang-orang dewasa. Kumpulan ini tidak berpeluang mengikuti pembelajaran formal diperingkat kanak-kanak dan remaja disebabkan oleh faktor penjajahan, kemiskinan dan persekitaran yang jauh dari pembangunan. Kita berasa sungguh bangga kerana mendapat pengiktirafan oleh badan antara bangsa seperti UNESCO kerana kadar buta huruf merupakan yang terendah di dunia.

Disebaliknya sikap kurang membaca dikalangan rakyat negara ini sangat ketara apabila diberitahu bahawa hanya membaca purata setengah halaman dalam setahun. Sufean Hussin (2004) menjelaskan bahawa sebahagian besar daripada masyarakat kita pandai membaca, pandai menulis dan pandai mengira tetapi mereka tidak ada minat dan semangat membaca untuk meluaskan ilmu pengetahuan dan pemikiran mereka. Sistem pendidikan selalu dilihat sebagai proses pembudayaan atau pemasyarakatan (Abd. Rahim, 2003). Nampaknya selepas 50 tahun kemerdekaan masyarakat masih kurang membaca, dimanakah silapnya?

Cabaran seterusnya ialah bagaimana untuk membudayakan ilmu di dalam komuniti setempat. Membudaya di sini membawa maksud supaya menjadi amalan dalam hidup. Natijahnya akan berlaku sesuatu perubahan dalam kehidupan hasil dari pemerolehan dan perkembangan ilmu pengetahuan. Inilah budaya yang hidup subur dan berkembang di negara maju. Banyak lagi yang perlu dilihat dan dipertontonkan kepada kita mengapa barat berjaya membudayakan ilmu sedangkan masyarakat kita masih meraba-raba menuju kearah yang sama. Adakah sukar untuk mendapat bahan bacaan atau harganya sangat tinggi di negara kita? Adakah bahan bacaan bukan dalam bahasa sendiri menyebabkan kita kurang berminat untuk membaca kerana tidak faham?.

Selain daripada itu budaya masyarakat yang mengutamakan ilmu pengetahuan terelak daripada menerima gelaran masyarakat primitif atau andaian katak di bawah tempurung. Budaya ilmu juga memungkinkan kewujudan sebuah masyarakat yang mempunyai *world-view* yang lebih luas, iaitu pemikiran yang lebih terbuka. Dari perspektif yang lain pendidikan semestinya dijadikan satu proses yang berterusan dalam kehidupan setiap insan. Pendidikan memainkan peranan yang besar dalam pembentukan generasi akan datang serta pencapaian objektif negara. Semakin maju sesebuah negara maka semakin meningkat permintaan untuk tenaga mahir dan yang berpengetahuan. Tidak boleh dinafikan bahawa pendidikan merupakan wahana utama bagi menerap idea-idea baru, teknologi terkini, dan menerapkan kepakaran dalam masyarakat.

Disaat penulisan ini dibuat, banyak diperkatakan tentang mutu pendidikan di negara kita merosot. Kemerosotan ini dilihat melalui senarai kedudukan universiti di dunia. Disamping itu, sebilangan besar tanggapan masyarakat terhadap mutu pendidikan di negara kita, Malaysia ialah kegagalan mendapatkan pekerjaan selepas tamat pengajian. Kalauolah pandangan ini diterima pakai sebagai ukuran, maka sampai bila pun kita tidak mampu meletakkan mutu pendidikan separas dengan negara maju di dunia. Nadler (1984) mengusulkan bahawa pendidikan mengandungi aktiviti-aktiviti yang direka untuk menyediakan para pekerja dengan kerja-kerja pada masa hadapan.

Minat untuk mempelajari sesuatu merupakan sifat yang utama dalam pembangunan modal insan. Individu atau pekerja yang berminat ialah pekerja yang produktif (Mahmood Nazar, 2005). Hal ini bertentangan dengan realiti akibat kurang berminat untuk menambah ilmu pengetahuan, kita dapati ramai rakyat Malaysia terutamanya suri rumah tidak mempunyai pengetahuan teknologi dan lebih bergantung kepada pihak lain. Misalnya, sebagai pengguna peralatan elektrik dirumah mereka tidak pandai membaiki peralatan yang rosak walau pun diperingkat yang asas sahaja. Petunjuk ini amat berbeza dengan ketara jika dibandingkan dengan suri rumah di negara maju yang mempunyai pengetahuan asas dari aspek teknologi yang memungkin mereka tidak bergantung kepada pihak lain. Perubahan pada tahap individu ini bergantung kepada penguasaan kemahiran baru, pembentukan sikap baru, serta pembentukan pemahaman baru (Tor Geok Hwa, 2004) Ini seharusnya merupakan proses pembelajaran sepanjang hayat yang kurang diamalkan oleh suri rumah di negara ini.

### **3.0 Peranan Sekolah Dalam Pelaksanaan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat.**

Hubungan sekolah dan komuniti begitu penting. Tanpa komuniti, sekolah tidak wujud manakala tanpa sekolah komuniti tidak akan berkembang (A.Rizal et.al. ,2008). Oleh yang demikian sekolah dilihat sama penting dengan komuniti untuk membangunkan modal insan dalam komuniti setempat. Justeru itu, sekolahlah yang boleh berperanan memberikan perkhidmatan yang paling rapat dan berpanjangan kepada hampir semua golongan masyarakat dalam komuniti setempat. Jika diimbas kembali peranan sekolah bolehlah dikatakan sebagai institusi pendidikan yang tertua dan wujud ditengah-tengah komuniti perlulah melangkah setapak lagi untuk melebarkan peranan memberi pendidikan bukan setakat kanak-kanak sekolah malah kepada ibu bapa yang memerlukannya.

Sekolah juga dilihat mempunyai potensi yang besar untuk memainkan peranan menyuburkan kursus-kursus pendek dan sepanjang hayat kepada komuniti setempat asalkan tidak menggaggu kelangsungan pembelajaran formal yang sedia ada. Diantara peranan yang boleh dimainkan bagi meletakkan sekolah sebagai *multi focus centre* adalah seperti berikut:

#### **3.1 Pengiktirafan sekolah sebagai pusat sosialisi dalam komuniti setempat.**

Sekolah bukan sahaja diterima sebagai gudang melahirkan generasi muda yang berilmu pengetahuan malah sebagai tempat berinteraksi dikalangan ibu bapa melalui persatuan ibu bapa dan guru. Peranan PIBG banyak membantu dari segi idea, kewangan dan kepimpinan telah membantu kecemerlangan murid-murid dalam bidang akademik. Komuniti juga dilibatkan dalam aktiviti sukan sekolah dan majlis-majlis seperti sambutan perayaan utama, kemerdekaan dan sebagainya. Jika ahli dalam komuniti boleh membantu sekolah, disebaliknya apakah sumbangan sekolah kepada komuniti setempat selain daripada memberi pendidikan formal kepada anak-anak komuniti setempat.

#### **3.2 Kedudukan sekolah paling hampir dihati masyarakat.**

Masyarakat lebih hampir pada sekolah jika dibandingkan dengan institusi lain kerana ia bersifat setempat sedangkan institusi lain bersifat nasional. Kedudukan ini meletakkan sekolah sebagai *multi focus* yang berkesan kepada masyarakat. Komuniti telah lama menganggapkan sekolah adalah sebahagian daripada

mereka. Keadaan ini memudahkan pelaksanaan pembelajaran sepanjang hayat dikalangan orang-orang dewasa dalam komuniti setempat.

3.3 *Amalan kolaborasi membawa kepada menang-menang kepada sekolah.*

Sekolah dapat mengambil manfaat yang banyak melalui amalan kolaborasi yang boleh membawa keuntungan kepada kedua-dua pihak melalui teknik menang-menang. Diantaranya ialah:

- *Gunasama kemudahan*

Kemudahan-kemudahan itu seperti bilik darjah, padang dan peralatan sekolah. Kakitangan sekolah boleh bersama-sama mengikuti program yang dianjurkan oleh komuniti. Komuniti melalui agensi kerajaan yang lain bolehlah meletakkan peralatan-peralatan di sekolah dan boleh digunasama oleh anak-anak mereka di sekolah.

- *Gunasama kepakaran*

Komuniti akan membawa tenaga pengajar pakar dari luar untuk mengajar kursus pendek dan sepanjang hayat di sekolah semasa cuti atau disebelah malam dan pihak sekolah bolehlah mengambil peluang untuk mempelajari ilmu-ilmu yang baru. Ada kalanya guru sekolah juga berpeluang mengajar seperti bahasa Inggeris dan kemahiran hidup kepada suri rumah dan lain-lain golongan dalam komuniti setempat. Di sinilah mereka berpeluang mendekati dan memahami dengan lebih dekat ahli-ahli dalam komuniti secara tidak langsung membantu meningkatkan disiplin anak-anak mereka termasuk kecemerlangan dalam bidang akademik.

#### **4.0      Kekangan dan Halangan Merealisasi PSH di Sekolah.**

Dewasa ini banyak institusi pendidikan yang lain telah melaksanakan program pembelajaran sepanjang hayat seperti kolej komuniti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia namun ia dilihat sedikit masalah kerana ia lebih bersifat nasional dan kurang memahami budaya setempat. Tedapat jurang yang besar dari segi pergaulan dan memahami keperluan komuniti setempat juga mengundang pelaksanaan kursus pembelajaran sepanjang hayat menjadi perlahan. Sekolah dilihat sangat bersesuaian jika sekadar mengendalikan kursus-kursus pendek sepanjang

hayat. Penekanan hendaklah diberi bagi meningkatkan peluang mendapatkan pendidikan pada semua peringkat sejajar dengan pendemokrasian dasar pendidikan (Mohd. Ismail, 2005). Kekangan dan halangan yang utama adalah disandarkan kepada kepimpinan sekolah kerana kunci pelaksanaannya terletak ditangannya iaitu guru besar atau pengetua sekolah. Sejauh manakah guru besar memahami bahawa peranan mereka sangat besar bukan sahaja kepada pendidikan formal di sekolah tetapi juga pendidikan tidak formal dalam komuniti setempat. Namun peranan guru besar dalam komuniti kian terhakis menjadikan mereka kurang mendapat tempat dalam pimpinan komuniti berbanding di era awal kemerdekaan.

Pelaksanaan program pembelajaran sepanjang hayat bukanlah terpikul sepenuhnya kepada kepimpinan sekolah tetapi ia berperanan sebahagian daripada anggota komuniti untuk memberi idea intelek yang boleh menggerakkan aktiviti tersebut. Guru perlu menjadi pelopor kepada penghayatan pendidikan sepanjang hayat (B.H Rabu, 16 Mei 2007). Kepimpinan sekolah merupakan individu yang penting untuk membangunkan komuniti seiring dengan peranan ketua kampung dan penghulu mukim. Mereka dilihat lebih memahami keperluan masyarakat malah lebih dekat dengan ibu bapa dan penjaga murid sekolah. Kepimpinan sekolah tidak perlu mengorbankan peranan sekolah terhadap pendidikan formal. Apa yang komuniti perlukan ialah idealisme kepimpinan sekolah disamping memberi sedikit ruang kepada komuniti menggunakan kemudahan sekolah tanpa menjelaskan kepentingan murid-murid sekolah.

Kepimpinan sekolah tidak perlu merasakan idea dan konsep ini sebagai beban kepada sekolah tetapi mesti melihat kaedah mengajar orang-orang dewasa sebagai cabaran dan bukan halangan kepada pelaksanaan program pembelajaran sepanjang hayat. Sekolah perlu menjadi peneraju dalam menggerakkan guru-guru bukan sahaja menguasai pedagogi tetapi juga menguasai andragogi. Andragogi atau pembelajaran orang dewasa adalah proses berterusan dalam jangka masa yang panjang dimana melibatkan mereka yang sudah matang dari segi pemikiran (Mohd. Azhar et.al., 2004). Cara sebegini sangat berkesan kerana melalui penglibatan mereka mengajar orang-orang dewasa sebagai pengalaman baru.

## **5.0      Penutup**

Selepas lima puluh tahun mencapai kemerdekaan, berbagai institusi pendidikan ditubuhkan malah setiap kementerian mempunyai institusi latihannya tersendiri namun jurang kemajuan antara kaum masih besar terutamanya dalam bidang pendidikan, ekonomi dan

pembangunan wilayah. Kerajaan hari ini melihat bahawa pembangunan modal insan sangat penting terutamanya menjadikan modal insan berminda kelas pertama. Pembangunan modal insan mestilah menyeluruh terutamanya di kawasan luar bandar dan pendalaman negara. Semua golongan sama ada yang bekerja, tidak bekerja, pesara dan warga emas mestilah berilmu pengetahuan dan boleh menyumbang sesuatu kepada negara terutama dalam bidang pendidikan dan ekonomi. Institusi pendidikan seperti sekolah hanya dilihat sebagai pusat pembelajaran formal yang berorientasikan peperiksaan tidak diberi peluang untuk sama-sama menyumbang kepakaran dalam pendidikan tidak formal terutama pendidikan orang-orang dewasa.

Sudah tiba masanya institusi pendidikan yang berpengaruh seperti sekolah dalam komuniti setempat terutamanya di kawasan luar bandar diberi peluang sama-sama membangunkan modal insan. Bagi merealisasikan harapan ini kepimpinan sekolah seperti guru besar haruslah berperanan memikul tanggung jawab tersebut. Bagi tujuan itu mereka perlulah menempatkan diri mereka dalam kepimpinan komuniti setempat. Melalui cara ini mereka berperanan untuk bersama-sama membantu membangunkan modal insan dalam komuniti setempat.

## Rujukan

- Abd Rahim (2003). “Falsafah Budaya Dalam Bidang Pendidikan”. Penerbit U.M: Kuala Lumpur.
- A. Rizal, Samsudin, Mohamad Zaid dan Ashaari (2008). “ Sekolah Dan Masyarakat”. Penerbit UTHM.
- Berita Harian, (2007). “Pendidikan sepanjang hayat bina sahsiah diri”, 16 Mei 2007.
- Berita Harian, (2006). “Gilap modal insan”, 1 Mei 2006.
- European Commission (2000). “Innovation in a knowledge-driven economy”. Luxembourg:European Commission. 20 September.

Louise Watson (1999). "Lifelong Learning in Australia, Analysis and Prospects",  
Email:Louise@education.canberra.edu.

Mahmood Nazar Mohamed (2005). "Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa  
Dan Tingkahlaku Manusia". D.B.P: Kuala Lumpur.

Mohd. Azhar, Paimah Atoma, Mohamed Fauzi dan Mohd. Nasir (2004). "Andragogi: Mengajar  
Orang Dewasa Belajar". PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd. : Shah Alam.

Mohd. Ismail Othman (2005). "Undang-undang Untuk Pengetua dan Guru Besar". PTS  
Publishing Sdn. Bhd. : Kuala Lumpur.

Mohd. Zohadie Bardaie (2002). Majlis Pelancaran Pelan Strategi UPM 2001 – 2010, Etika Kerja  
UPM dan Anugerah Fellowship Naib Canselor.  
[www.upm.edu.my/website/koleksi ucapan/2002](http://www.upm.edu.my/website/koleksi_ucapan/2002).

Naddler, Leornard ( 1989). "Human Resource Devolopment; Human Resource  
Development". John Wailei. New York.

Organisation for Economic Cooperation and Development (OECD, 1996). "Lifelong Learning for  
All. OECD:Paris.

Sufean Hussin (2004). " Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah". DBP:  
Kuala Lumpur.

Tor Geok Hwa (2004). "Mengembangkan Pemahaman Global: Cabaran Arus Globalisasi  
Terhadap Sistem Pendidikan Di Malaysia". IBS Buku Sdn. Bhd.: Petaling Jaya.

UNESCO (1972). "Learning To Be (The Faure Report). UNESCO:Paris.